



PENERIMA pingat emas berganda Dr. Charles yang diwakili oleh Kishneth Palaniveloo

## UMS rangkul 8 pingat dalam ITEX 2012

DE 23/05/2012 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya memenangi dua pingat emas, tiga pingat perak dan tiga pingat gangsa pada 23rd International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2012 di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC) pada 17 -19 Mei.


Timbalan Pendaftar Kanan, Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS Mohd Raffie Hj. Janau berkata dua pingat emas itu dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Charles S. Vairappan melalui rekapipta penyelidikannya bertajuk Marine Biopolymer: Bioactive Polymer of Marine Sponge bacteria dan

Novel Lead Pharmaceutical Compound : Anti-Cancer and Anti Microbe.

Katanya, tiga pingat perak diperolehi melalui Prof. Madya Dr. Balakrisnan Parasuraman, Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee dan Awang Ahmad Mohd Yunus.

Dr. Pushpa M. Palaniappan, Haji Othman Haji Ahmad dan Prof. Madya Dr Muhammad Iftikhar berjaya memperolehi gangsa, katanya dengan menambah UMS telah menghantar 9 rekapipta penyelidikan untuk acara tersebut.

Sebanyak 830 penyertaan telah diterima daripada pelbagai institut pengajian tinggi tempatan dan luar Negara.



RAFFIE (tengah) bersama Kontinjen UMS lain yang menyertai ITEX ke 23.